



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**TEKANAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR IPT
SEMASA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA: TAHAP,
FAKTOR DAN ISI RUMAH YANG TERKESAN**

*FINANCIAL STRESS AMONG HIGHER EDUCATION INSTITUTION STUDENTS
DURING THE COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA: LEVELS, FACTORS AND
AFFECTED HOUSEHOLDS*

Suraini Saufi^{1*}, Wan Nadiah Wan Mohd Nasir², Hallieyana Sha'ari³, Mujiburrahman Muhammad Saleh⁴

¹ Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: suraini@kias.edu.my

² Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: nadiah@kias.edu.my

³ Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: hallieyana@kias.edu.my

⁴ Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: mujiburrahman@kias.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.01.2025

Revised date: 09.02.2025

Accepted date: 04.03.2025

Published date: 17.03.2025

To cite this document:

Saufi, S., Wan Mohd Nasir, W. N., Sha'ari, H. & Muhammad Saleh, M. (2025). Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT Semasa

Abstrak:

Peluang melanjutkan pengajian ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan impian kebanyakan pelajar. Namun, tempoh pengajian sering kali diiringi oleh cabaran kewangan yang besar, terutama bagi pelajar dari latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah. Keadaan ini semakin memburuk dengan penularan wabak COVID-19, yang memaksa pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian. Situasi ini telah mewujudkan keperluan baru dalam pengajian iaitu seperti peranti teknologi dan data internet yang menambahkan lagi beban kewangan yang sedia ada. Artikel ini membincangkan tahap tekanan kewangan, faktor-faktor penyumbang, dan cadangan untuk mengurangkan tekanan kewangan dalam kalangan pelajar IPT. Kaedah kajian kuantitatif digunakan melalui soalan kaji selidik ke atas pelajar

Pandemik Covid-19 Di Malaysia: Tahap, Faktor Dan Isi Rumah Yang Terkesan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 581-591.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057037

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



IPT di Malaysia. Sejumlah 567 data telah dikumpulkan dan dianalisa menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati 50.1 peratus pelajar berada dalam tekanan kewangan. Manakala faktor utama tekanan kewangan termasuk kos peranti teknologi dan kekurangan simpanan wang dan seramai 44.4 peratus pelajar tidak mempunyai simpanan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pelajar, ibu bapa dan Kerajaan dalam mendepani krisis kewangan pelajar agar Langkah yang lebih strategik dapat dilaksanakan.

Katakunci:

Tekanan, Kewangan, Pelajar, COVID-19

Abstract:

The opportunity to pursue higher education is a dream for many students. However, the academic journey is often accompanied by significant financial challenges, particularly for those from low-income families. This situation worsened with the outbreak of the COVID-19 pandemic, which forced students to transition to online learning. This shift created new financial demands, such as the need for technological devices and internet data, further exacerbating existing financial burdens. This article examines the level of financial stress, contributing factors, and recommendations to alleviate financial pressure among higher education students. A quantitative research approach was employed through a survey conducted among students in Malaysia. A total of 567 responses were collected and analyzed using descriptive analysis. The findings reveal that 50.1 percent of students experienced financial stress. The primary factors contributing to this issue include the cost of technological devices and a lack of financial savings, with 44.4 percent of students reporting no savings during the Movement Control Order (MCO). These findings serve as a valuable reference for students, parents, and the government in addressing financial crises among students, allowing for more strategic measures to be implemented.

Keywords:

Financial, Stress, Students, COVID-19

Pendahuluan

Pengurusan dan perancangan kewangan sangat penting bagi golongan pelajar IPT supaya pengajian mereka berjalan lancar serta tidak memberikan tekanan. Pelbagai masalah boleh berlaku sekiranya kewangan tidak diuruskan dengan baik malah matlamat yang diinginkan juga sukar untuk diperolehi (Salbiah Nur et al., 2018). Hal ini kerana golongan pelajar IPT merupakan golongan yang sering dikaitkan dengan keadaan kewangan yang tidak stabil di mana mereka mula belajar untuk berdikari dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri bukannya lagi pada ibu bapa (Abu Bakar et al., 2019).

Terdapat beberapa pilihan pembiayaan kewangan yang boleh dipilih oleh golongan pelajar IPT untuk membantu mereka sepanjang tempoh pengajian di institut pengajian tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta. Antara pembiayaan kewangan yang disediakan adalah seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), bantuan pendidikan negeri, zakat, biasiswa dan pelbagai lagi bantuan lain (Mohd et al., 2024). Pembiayaan kewangan yang diberikan kepada golongan pelajar IPT adalah bertujuan untuk

menampung pelbagai bentuk perbelanjaan seperti yuran pengajian, pembelian buku dan bahan ilmiah, penginapan, pakaian, makanan dan minuman, internet dan telekomunikasi dan sebagainya (Nabila et al., 2023).

Berdasarkan kajian Abu Bakar et al., (2019), golongan pelajar IPT yang paling ramai mengalami masalah kewangan adalah mereka yang memperolehi pembiayaan kewangan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak 30.94% dari golongan B40 disebabkan jumlah pembiayaan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada pendapatan ibubapa. Kegagalan menguruskan kewangan yang baik pastinya membawa kepada tekanan kewangan dan sekiranya tidak dibendung boleh menjejaskan kesihatan emosi, mental dan fizikal (CTOS, 2021). Tekanan kewangan merupakan bebanan terhadap emosi seseorang individu yang disebabkan oleh faktor kewangan. Sesiapa sahaja boleh mengalami tekanan kewangan termasuklah golongan pelajar IPT.

Sekitar penghujung tahun 2019, satu wabak penyakit yang dikenali sebagai *Corona Virus Disease 2019* (COVID-19) telah mula merebak dengan pantas ke seluruh dunia. Akibat daripada pandemik tersebut ekonomi global mengalami kemelesetan teruk dan menyusut kepada 3.4 peratus pada 2020. Ini adalah kerana telah terjadi gangguan rantai bekalan, kejatuhan pasaran buruh dan ketidakstabilan kewangan. Kejatuhan harga minyak dunia meningkatkan lagi masalah ekonomi dan mewujudkan perbalahan antara negara-negara pengeluar minyak (Hazudin et al., 2022; Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021; Vos & Cattaneo, 2021).

Di Malaysia, wabak COVID-19 telah memberi impak yang sangat besar ke atas semua sektor termasuklah sistem pendidikan negara. Kesan yang paling ketara adalah perubahan medium pembelajaran di Malaysia telah bertukar secara drastik menggunakan kaedah pembelajaran secara atas talian (*online*) (Saufi et al., 2023). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara atas talian memerlukan kemudahan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer yang dilengkapi dengan talian internet untuk mengikuti kuliah, menyiapkan tugas, ujian penilaian dan sebagainya (Muhammad Razaki et al., 2023). Memiliki kemudahan peranti mudah alih dengan capaian talian internet yang stabil dan data internet yang mencukupi pastinya memerlukan wang perbelanjaan yang besar dan ini menyebabkan golongan pelajar IPT terbeban kerana sumber kewangan yang terhad. Tekanan kewangan yang dihadapi oleh golongan pelajar IPT pastinya memudaratkan keperibadian sehingga menyebabkan kemerosotan terhadap prestasi akademik mereka sendiri. Dalam kajian terdahulu oleh Asri et al. (2017), terdapat sebanyak 43.1 peratus daripada 255 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah kewangan.

Kajian masalah kewangan dan tekanan di kalangan mahasiswa oleh Abu Bakar et al., (2019) menyokong pernyataan di atas dengan tiga dapatan utama kajian. Pertama, majoriti mahasiswa yang mengalami masalah kewangan yang serius adalah daripada kalangan keluarga atau isirumah berpendapatan rendah iaitu dalam kelompok B40. Bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana M40 pula, walaupun menerima pinjaman pendidikan daripada pihak-pihak tertentu seperti PTPTN, namun jumlah pembiayaan tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas harian. Kedua, majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka kecewa, tertekan dan murung apabila menghadapi masalah kewangan yang menjejaskan proses pembelajaran. Ketiga, pelajar yang menghadapi salah kewangan turut terpaksa menghadkan pengambilan makanan.

Justeru, dapatan kajian dan perbincangan di atas mewujudkan asas yang kukuh bagi kepentingan kajian berterusan terhadap isu tekanan kewangan di kalangan pelajar semasa dalam situasi krisis yang tidak dijangka.

Tinjauan Literatur

Tekanan kewangan boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan di mana individu menghadapi kesukaran untuk memenuhi kewajipan kewangan akibat daripada kekurangan dana (Ismail & Amiruddin Zaki, 2019). Mansor et al. (2022) pula merujuk tekanan kewangan sebagai ketidakselesaian emosi yang berkaitan dengan wang. Bagi golongan pelajar kolej, tekanan kewangan merupakan antara faktor yang boleh mempengaruhi prestasi akademik dan kesejahteraan umum golongan tersebut (Britt et al., 2015). Dalam hal ini, terdapat pelajar universiti yang terpaksa menghadkan pengambilan makanan berat harian mereka disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi (Abu Bakar et al., 2019). Kajian oleh Baker & Montalto (2019) juga telah menambah literatur sedia ada dengan menyediakan bukti hubungan antara tekanan kewangan dan prestasi akademik. Dapatan kajian tersebut mendapati pelajar yang mempunyai tahap tekanan kewangan yang tinggi mempunyai prestasi akademik yang lebih rendah.

Abu Bakar et al. (2019) turut mendapati bahawa kebanyakan daripada mereka berasa tertekan apabila tidak dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga dan gagal menguruskan perbelanjaan peribadi. Kebimbangan ini diuktikan lagi dengan merujuk kepada Sundarasen et al. (2020) yang telah menjalankan kajian untuk menentukan tahap keseimbangan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia semasa COVID-19 dan tempoh PKP. Hasil kajian menunjukkan tekanan yang paling diketengahkan adalah tekanan kewangan. Dari segi kewangan, pelajar bimbang dengan keupayaan mereka untuk menguruskan komitmen kewangan pendidikan mereka kerana kehilangan pendapatan keluarga dan kehilangan peluang untuk bekerja dan membiayai sendiri pengajian mereka.

Tambahan lagi, menurut Ismail & Amiruddin Zaki (2019), jumlah hutang yang besar, bil perubatan, kehilangan pekerjaan atau perbelanjaan yang tidak bertanggungjawab boleh menyebabkan tekanan kewangan. Kajian oleh Mansor et al. (2022) telah mengkaji faktor penyumbang kepada tekanan kewangan khususnya dalam kalangan isi rumah B40 semasa pandemik COVID-19. Antara dapatan utamanya adalah tingkah laku kewangan menunjukkan hubungan negatif dengan tekanan kewangan, yang bermaksud tahap tingkah laku kewangan yang lebih tinggi akan menyebabkan tahap tekanan kewangan yang lebih rendah, dan sebaliknya. Xiao (2008) mentakrifkan tingkah laku kewangan sebagai sebarang tingkah laku manusia yang berkaitan dengan pengurusan wang yang lazimnya merangkumi wang tunai, kredit, dan tingkah laku menabung. Antara faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku kewangan adalah sikap kewangan dan pengetahuan kewangan (Loke, 2017). Kajian Salbiah Nur et al. (2018) telah menunjukkan pengaruh pengetahuan kewangan terhadap amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Hasil kajian melaporkan jika pengetahuan kewangan pelajar meningkat, maka tahap amalan pengurusan kewangan juga turut meningkat.

Melalui kajian-kajian lepas beberapa faktor utama dikenal pasti sebagai penyebab tekanan kewangan dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Suppiah (2024) terhadap pelajar IPTA mendapati terdapat hubungan kesejahteraan emosi dengan tekanan kewangan. Pelajar dengan emosi yang stabil lebih cenderung dapat menguruskan tekanan kewangan dengan lebih baik. Kasim, Ahmad dan Rahman (2024) dalam kajian mereka terhadap psikoterapi tasawuf dan

peranannya dalam pengurusan emosi pelajar mendapati psikoterapi tasawuf berpotensi menjadi intervensi yang berkesan dalam membantu pelajar mengawal emosi mereka. Keberkesanan pendekatan ini juga memberi kesan positif terhadap kesejahteraan serta pencapaian akademik pelajar. Kesejahteraan di sini turut melibatkan kesejahteraan dalam mengawal tekanan kewangan.

Literasi kewangan juga merupakan salah satu faktor penting yang menentukan sejauh mana seseorang pelajar dapat mengurus kewangan mereka dengan baik. Pengetahuan yang dalam dalam pengurusan kewangan melahirkan pelajar yang mempunyai simpanan untuk kegunaan kecemasan dan menggunakan wang dengan berhemah sekaligus mengelakkan risiko tekanan emosi dan perasaan. Rahman dan Othman (2021) menyatakan bahawa individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah lebih cenderung untuk mengalami kesukaran dalam merancang perbelanjaan mereka, sekali gus meningkatkan risiko tekanan kewangan. Golongan muda belia ini sering kali terjerumus dalam hutang yang tidak sepatutnya kerana keinginan untuk mengekalkan gaya hidup mewah dan boros. Sebahagian besar daripada mereka mula berhutang pada usia muda disebabkan oleh tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat serta tindakan institusi kewangan yang meluluskan kredit tanpa kawalan yang ketat. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan kewangan, terutamanya dalam aspek simpanan hari tua, perlindungan insurans atau takaful, persediaan untuk persaraan, hutang, dan penggunaan kad kredit, turut menyumbang kepada masalah kewangan mereka. Lebih mengejutkan, kebanyakan individu yang menghadapi kebangkrutan terdiri daripada eksekutif muda dan graduan universiti. Hal ini mungkin berpunca daripada kurangnya persediaan dalam mengurus kewangan peribadi dan keluarga, memandangkan sebelum ini mereka bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa untuk keperluan kewangan mereka (Latif et al., 2024). Selain itu, tahap pendapatan keluarga juga memainkan peranan utama, di mana pelajar dari keluarga berpendapatan rendah lebih terdedah kepada cabaran kewangan, seperti yang dinyatakan dalam kajian Abu Bakar et al. (2019). Kualiti hidup dan tahap sosio ekonomi yang rendah sangat mempengaruhi tekanan kewangan golongan miskin (Basri, Rashid, Nor dan Rahman, 2024).

Simpanan merupakan elemen dan faktor asas dalam pengurusan kewangan yang disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang. Dari segi kewangan, simpanan didefinisikan kepada wang atau asset yang diletakkan pada satu tempat untuk tujuan masa hadapan. Hasil dapatan kajian Alia et al. (2024) terhadap mahasiswa turut menunjukkan bahawa faktor paling mempengaruhi pengurusan kewangan ialah simpanan.

Dalam pandemik juga kepentingan teknologi terkini amat ketara dalam membantu kelangsungan harian manusia. Dalam sektor pendidikan, pengajaran secara maya menuntut para pelajar untuk melengkapi diri dengan peranti teknologi seperti komputer riba, tablet, dan akses internet yang stabil. Kemampuan golongan yang berpendapatan rendah amat terbatas untuk menyediakan peranti teknologi ini yang ketara memerlukan kos untuk mendapatkannya (Tingkas & De Silva, 2024).

Kajian ini dibuat semasa pandemic COVID-19 dan masih signifikan untuk dibuat rujukan yang berkaitan dengan isu kewangan semasa pelajar. Meskipun, pandemik COVID-19 telah berakhir, kesannya terhadap kewangan pelajar masih berterusan. Banyak pelajar yang mengalami kesulitan kewangan semasa pandemik masih menghadapi beban hutang pendidikan, kelewatan dalam mendapatkan pekerjaan tetap, dan kesan psikologi akibat tekanan

kewangan yang berpanjangan sebagaimana dalam kajian (Rohmah & Mahrus, 2024). Oleh itu, memahami bagaimana pelajar mengurus tekanan kewangan semasa pandemik dapat memberikan gambaran tentang daya tahan kewangan mereka dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi yang lain pada masa hadapan. Kajian ini juga boleh berfungsi sebagai asas untuk menilai keberkesanan strategi yang telah digunakan oleh pelajar dan institusi semasa pandemik serta sejauh mana ia masih berfungsi dalam situasi pasca-pandemik. Ini penting bagi pembuat dasar dan pihak universiti untuk memahami bentuk sokongan kewangan yang diperlukan oleh pelajar hari ini dan di masa hadapan khususnya ketika krisis.

Kaedah Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi mengumpul data secara sistematik. Sampel kajian terdiri daripada 567 responden yang dipilih melalui teknik pensampelan mudah, memastikan penyertaan yang lebih terbuka dan tidak terbatas kepada kumpulan tertentu. Sampel dipilih untuk mewakili populasi pelajar di Malaysia, dengan mengambil kira kaedah penentuan saiz sampel berdasarkan *rule of thumb*. Menurut Krejcie & Morgan (1970), bagi populasi yang besar atau tidak diketahui saiznya, sampel sekitar 384 responden sudah mencukupi untuk mencapai tahap kebolehppercayaan 95% dan margin ralat 5%. Oleh itu, saiz sampel 567 bukan sahaja memenuhi syarat minimum tetapi juga meningkatkan ketepatan hasil kajian.

Soal selidik ini diedarkan secara atas talian kepada mahasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), membolehkan capaian yang lebih luas serta penyertaan yang lebih fleksibel. Pengumpulan data dijalankan melalui borang soal selidik yang dibangunkan dalam bentuk Google Form, yang kemudiannya disebarluaskan sepenuhnya melalui pelbagai platform digital bagi meningkatkan kadar respons. Setelah data diperoleh, analisis deskriptif telah dijalankan. Peratusan digunakan untuk menganalisis taburan respons bagi setiap item soal selidik. Peratusan ini menggambarkan kekerapan jawapan responden dalam bentuk nisbah terhadap jumlah keseluruhan sampel, membolehkan pola atau kecenderungan dalam data dikenalpasti (Pallant, 2020).

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berdasarkan kepada tiga objektif kajian ini iaitu i) mengenal pasti tahap tekanan kewangan pelajar IPT di Malaysia semasa musim pandemik COVID-19, ii) mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kewangan dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia semasa musim pandemik COVID-19 dan iii) mengenal pasti kumpulan pendapatan isi rumah pelajar yang terkesan, maka hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

Tahap Tekanan Kewangan Pelajar IPT Di Malaysia Semasa Musim Pandemi COVID-19.

Sebahagian besar pelajar nampaknya lebih bersedia dengan isu ini apabila hasil dapatan menunjukkan seramai 283 orang pelajar atau 49.9% daripada responden tidak tertekan apabila menerima arahan untuk berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini juga menjurus kepada kesan tekanan daripada sudut pengurusan kewangan. Faktor utama tiada tekanan adalah kerana tiada masalah kewangan. Ini merujuk kepada dapatan kajian daripada Nuur Haziratul yang mengatakan salah satu punca tekanan dalam kalangan pelajar adalah disebabkan masalah kewangan.

Terdapat banyak faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan adalah tahap literasi kewangan atau pengetahuan kewangan, sikap terhadap kewangan dan seterusnya menentukan tekanan kewangan yang dihadapi (Falahati & Paim, 2011). Para pelajar dalam kategori ini nampaknya tidak cenderung untuk berasa runsing dan bimbang yang berterusan apatah lagi untuk mencetuskan ketegangan dalam diri. Pengurusan kewangan yang baik juga turut menyebabkan pelajar tidak mengalami tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000) hanya yang tertekan sahaja akan mengalami kurang tidur, sakit, murung, resah dan sering menyendiri (Redhwan & Samir Karim, 2009; Wright, 1967) sebagaimana yang dihadapi oleh respondent kumpulan kedua yang jumlahnya hampir sama cuma sedikit penurunan peratus iaitu seramai 254 atau 44.8% orang pelajar berada di dalam keadaan agak tertekan dan hanya 30 orang atau 5.3% pelajar sahaja yang sangat tertekan dengan situasi ini. Tahap tekanan ini boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik dan daya tindak pelajar (Azam, 2007).

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh banyak pihak seperti kerajaan melalui AKPK dan IPT sendiri dalam menambah dan meningkatkan literasi kewangan di kalangan pelajar dapat memberikan banyak kesan positif dan membantu mereka menghadapi isu dan situasi yang getir. Manakala bagi kumpulan yang agak tercicir daripada mendapatkan pengetahuan dan tindakan dalam pengurusan kewangan yang betul perlu terus diberikan bimbingan dan pendidikan berkaitan.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT Di Malaysia Semasa Musim Pandemik COVID-19.

Arahan untuk melaksanakan pengajaran secara digital dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan pelajar-pelajar terus mengikuti sesi pembelajaran walaupun berada di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengajaran secara digital telah dibuat menggunakan pelbagai medium atas talian seperti Whatsapp, Facebook, Telegram, Zoom, Google Meet dan Google Classroom (Omar et. al. , 2021). Kaedah pembelajaran ini mendesak pelajar untuk mendapatkan peranti teknologi yang terdapat aplikasi yang menyokong kaedah pengajaran atas talian seperti komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain lagi. Situasi ini akan memberikan tekanan kepada pelajar yang tidak mampu tambahan lagi dengan keadaan simpanan yang tidak menyokong.

Faktor simpanan daripada dapatan kajian ini mendapati seramai 242 orang pelajar atau 42.5% hanya mempunyai wang simpanan sejumlah RM1,000 ke bawah. Amat malang sekali apabila kebanyakan mereka iaitu seramai 252 orang pelajar atau 44.4% tidak mempunyai wang simpanan sewaktu PKP dilaksanakan. Hanya seramai 47 orang pelajar atau 8.3% yang mempunyai wang simpanan diantara RM1,001 hingga RM5,000, 13 orang pelajar mempunyai simpanan wang sebanyak RM5,001 hingga RM10,000 serta 13 orang pelajar mempunyai wang simpanan sebanyak RM10,00 ke atas sewaktu PKP ini. Ini menunjukkan walaupun ramai di kalangan mereka sebagaimana dapatan kajian bagi objektif pertama tidak mengalami tekanan sewaktu PKP tetapi keperluan kepada peranti teknologi dan jumlah simpanan wang yang amat sedikit merupakan faktor utama kepada tekanan kewangan mereka sewaktu PKP. Ini kerana pentingnya simpanan wang kepada kesan positif terhadap kedudukan kewangan individu dalam jangka masa pendek dana amat membantu untuk melancarkan penggunaan isi rumah (Jiton & Ibrahim, 2022).

Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Pelajar Yang Terkesan.

Objektif kajian yang ketiga bagi kajian ini iaitu mengenal pasti kumpulan pendapatan isi rumah pelajar yang terkesan. Kajian mendapati golongan berpendapatan rendah atau B40 adalah kumpulan pelajar yang paling ramai di IPT. Justeru itu, mereka inilah yang paling terkesan dan tertekan dalam kemelut kewangan sebagaimana dapatan kajian (Abu Bakar et al., 2019). Sampel kajian juga menunjukkan peratus tertinggi kalangan pelajar IPTA dan IPTS adalah seramai 365 atau 64.4% orang pelajar terdiri daripada golongan B40 iaitu berpendapatan diantara RM4,000 ke bawah.

Hal ini menyokong dapatan kajian daripada beberapa penyelidik terdahulu mengenai beberapa sebab terjadinya tekanan kewangan bagi pelajar B40. Sebab yang utama adalah kerana kekurangan sumber kewangan dan keterbatasan kepada akses bantuan kewangan dan kos pengajian yang semakin tinggi (Mohiddin, 2021; Mohiddin, 2020). Perubahan kos pengajian yang semakin tinggi tidak memberikan kesan yang besar kepada M40 dan T20 tidak seperti bebanan yang terpaksa digalas oleh B40. Tambahan lagi bila diambil kira perubahan teknologi yang juga merubah lanskap pembelajaran. Pelajar memerlukan peranti teknologi untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran (Ibrahim, 2022). Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) mendedahkan bahawa pelajar yang berusia 18 tahun ke atas didapati masih lagi kekurangan dari segi pemilikan komputer peribadi dan tablet yang menjurus kepada Program Bantuan Peranti Siswa oleh kerajaan Malaysia melalui Belanjawan Tahun 2022 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022).

Kesimpulan

Melalui dapatan kajian ini, kepelbagaian tahap tekanan kewangan dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia semasa pandemik COVID-19 dapat didedahkan. Walaupun sebilangan besar tidak mengalami kesukaran kewangan yang serius, namun terdapat juga pelajar yang berdepan dengan cabaran kewangan akibat simpanan yang terhad serta peningkatan kos pembelajaran dalam talian. Keperluan memiliki peranti teknologi bagi mengikuti kelas maya menambah beban kewangan mereka, terutamanya bagi yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah seperti B40. Dalam realiti semasa, cabaran kewangan pelajar bukan sekadar terhad kepada tempoh pandemik, tetapi terus berlanjutan dengan peningkatan kos sara hidup dan pendidikan. Oleh itu, literasi kewangan menjadi aspek penting dalam membentuk daya ketahanan pelajar dalam mengurus kewangan secara berkesan.

Institusi pengajian tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar agar lebih bersedia menghadapi tekanan kewangan. Program-program seperti literasi kewangan perlu diperkasa supaya pelajar lebih celik dalam merancang perbelanjaan dan simpanan mereka. Selain itu, ibu bapa juga perlu membimbing anak-anak sejak awal mengenai pengurusan kewangan agar mereka lebih bijak menilai dan menghargai wang serta bersedia menghadapi keperluan di peringkat universiti. Kerajaan pula boleh memperluaskan inisiatif seperti bantuan peranti dan biasiswa kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan, selain menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta untuk menyediakan sokongan kewangan tambahan. Dengan usaha kolektif dari semua pihak, pelajar dapat menjalani kehidupan akademik dengan lebih stabil tanpa tekanan kewangan yang mengganggu pembelajaran mereka. Hasil kajian juga boleh dirujuk bagi situasi krisis-krisis lain seperti bencana alam dan peperangan.

Kajian ini adalah kajian deskriptif yang mempunyai beberapa limitasi seperti tiada kajian mendalam. Justeru pengujian semula dan penambahbaikan dalam kajian ini disarankan untuk mendapat hasil yang lebih kuat dan jelas. Disarankan agar kajian masa hadapan mengenai tekanan kewangan dalam kalangan pelajar IPT boleh diperluaskan dengan beberapa pendekatan yang lebih mendalam. Pertama, kajian longitudinal boleh dijalankan bagi menilai kesan jangka panjang tekanan kewangan terhadap prestasi akademik, kesihatan mental, dan kebolehpasaran graduan. Kedua, kajian boleh meneliti faktor sosioekonomi seperti latar belakang keluarga, sumber pendapatan, dan lokasi tempat tinggal bagi memahami bagaimana aspek ini mempengaruhi tekanan kewangan pelajar. Selain itu, keberkesanan program literasi kewangan dan skim bantuan kewangan wajar dikaji bagi mengenal pasti strategi terbaik dalam membantu pelajar mengurus kewangan mereka. Pendekatan kualitatif juga boleh digunakan untuk mendapatkan perspektif lebih mendalam mengenai pengalaman dan mekanisme daya tindak pelajar dalam menghadapi tekanan kewangan. Akhir sekali, kajian boleh meneliti peranan teknologi kewangan seperti aplikasi pengurusan perbelanjaan dan e-wallet dalam membantu pelajar mengawal kewangan mereka dengan lebih cekap. Penyelidikan lanjut dalam aspek ini dapat menyumbang kepada dasar dan inisiatif yang lebih efektif.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil dapatan daripada penyelidikan yang bertajuk “Kajian Faktor Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT Di Malaysia(2024).” di bawah geran penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Rujukan

- Abd Malek, N. M. S., Idris, N. R., & Zakaria, Z. (2024). Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19. *Technical and Vocational Education International Journal (TAVEIJ)*, 4(1), 152-159.
- Abu Bakar, N., Mod Asri, N., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2), 113–120.
- Alia, N., Razak, A., Takril, N. F., Sabri, S. A., & Jamlus, N. (2024). Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Multimedia Kreatif Komputerian (FMKK) di Universiti Islam Selangor (UIS). *Proceeding of the 11th International Conference on Management and Muamalah 2024 (ICoMM, 2024(ICoMM))*, 144–154.
- Asri, N. M., Bakar, N. A., Laili, I. A., & Saad, S. (2017). Status Kewangan Dan Tekanan Dalam. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 63–83.
- Baker, A. R., & Montalto, C. P. (2019). Student loan debt and financial stress: Implications for academic performance. *Journal of College Student Development*, 60(1), 115–120. <https://doi.org/10.1353/csd.2019.0008>
- Basri, N. A. A., Rashid, S. M. R. A., Nor, N. N. F. M., & Rahman, A. A. (2024). Bilangan Tanggungan Dan Kualiti Hidup Kumpulan B40 Di Ppr Kerinchi, Kuala Lumpur: Number Of Dependents And Quality Of Life Of B40 Group In Ppr Kerinchi, Kuala Lumpur. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 181-197.
- Britt, S. L., Canale, A., Fernatt, F., Stutz, K., & Tibbetts, R. (2015). Financial stress and financial counseling: Helping college students. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 26(2), 172–186. <https://doi.org/10.1891/1052-3073.26.2.172>

- Falahati, L., & Paim, L. H. (2011). Toward a framework of determinants of financial management and financial problems among university students. *African Journal of Business Management*, 5(22), 9600–9606. <https://doi.org/11.5897/AJBM11.1293>
- Hazudin, S. F., Sabri, M. F., Kader, M. A. R. A., Saripin, M. S., & Ridzuan, M. R. (2022). Social capital, entrepreneurial skills, and business performance among rural micro-enterprises in times of crisis. *Knowledge and Performance Management*, 6(1), 75–86. [https://doi.org/10.21511/kpm.06\(1\).2022.07](https://doi.org/10.21511/kpm.06(1).2022.07)
- Ismail, N., & Amiruddin Zaki, N. D. (2019). Does Financial Literacy and Financial Stress Effect the Financial Wellness? *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8 (June, 2019)), 1–11. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.28001>
- Kasim, T. S. A. T., Ahmad, S. S., & Rahman, S. M. H. S. A. (2024). Psikoterapi Tasawuf dan Peranannya dalam Pengurusan Emosi Pelajar: Sufi Psychotherapy and Its Role in Managing Students' Emotions. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 62–69.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Sample size determination. *Business Research Methods. Educational and Psychological Measurement*, 4(5), 34–36.
- Latif, S. N. A., & Asadal, N. (2024). Cost of Living for Students: A Case Study at the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 137–149.
- Loke, Y. J. (2017). The influence of socio-demographic and financial knowledge factors on financial management practices of Malaysians. *International Journal of Business and Society*, 18(1), 33–50.
- Mansor, M., Sabri, M. F., Mansur, M., Ithnin, M., Magli, A. S., Husniyah, A. R., Mahdzan, N. S., Othman, M. A., Zakaria, R. H., Mohd Satar, N., & Janor, H. (2022). Analysing the Predictors of Financial Stress and Financial Well-Being among the Bottom 40 Percent (B40) Households in Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(19). <https://doi.org/10.3390/ijerph191912490>
- Mohd Farique, M. A., & Mohd Fauzi, M. A. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 2(2).
- Mohd, N., Abd, S., Idiris, N. R., & Zakaria, Z. (2024). Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19 1. *Technical and Vocational Education International Journal*, 4(01), 152–159.
- Muhammad Razaki, M., Saufi, S., Wan Mohd Nasir, W. N., & Kamal, I. S. M. (2023). the Effect of Acceptance Factors on the Quality of E-Learning Systems Among Hei Students in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(50), 243–252. <https://doi.org/10.35631/ijepc.850017>
- Nabila, L. N., Utama, F. P., Habibi, A. A., & Hidayah, I. (2023). Aksentuasi Literasi pada Gen-Z untuk Menyiapkan Generasi Progresif Era Revolusi Industri 4.0. *Journal of Education Research*, 4(1), 28–36. <https://doi.org/10.37985/jer.v4i1.113>
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Routledge.
- Rahman, R. A., & Othman, Y. H. (2021). Cabaran Covid 19: Literasi Kewangan Peribadi Sebagai Penentu Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Negeri kedah. In *International Journal of Muamalat* (Vol. 5, Issue 1).
- Rohmah, N. R., & Mahrus, M. (2024). Mengidentifikasi Faktor-faktor Penyebab Stres Akademik pada Mahasiswa dan Strategi Pengelolaannya. *Journal of Islamic Education and Management*, 5, 36–43.

- Salbiah Nur, S. A., Suzana Ab. Rahman, Suhailah Ibrahim, Nurulhayah Muhamad, & Maryam Mohd Esa. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3, 9–23.
- Saufi, S., Muhammad Razaki, M., & Wan Mohd Nasir, Wan Nadiah Mustafa Kamall, I. S. (2023). A Study On Perceived Usefulness On E-Learning Method Among Student Of Higher Education Institute In Malaysia. *International Journal Of Islamic Products And Malay Civilization*.
- Sundarasan, S., Chinna, K., Kamaludin, K., Nurunnabi, M., Baloch, G. M., Khoshaim, H. B., Hossain, S. F. A., & Sukayt, A. (2020). Psychological impact of covid-19 and lockdown among university students in malaysia: Implications and policy recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(17), 1–13. <https://doi.org/10.3390/ijerph17176206>
- Tingkas, E., & De Silva, M. (2024). Pandemik Covid-19 Dan Golongan B40 Di Malaysia: Kajian Terhadap Impak Dan Strategi (2020-2021). *Jurna Kinabalu*, 30, 26–42.
- Vos, R., & Cattaneo, A. (2021). Poverty reduction through the development of inclusive food value chains. *Journal of Integrative Agriculture*, 20(4), 964–978. [https://doi.org/10.1016/S2095-3119\(20\)63398-6](https://doi.org/10.1016/S2095-3119(20)63398-6)
- Xiao, J. J. (2008). Applying Behavior Theories to Financial Behavior. In J. J. Xiao (Ed.), *Handbook of Consumer Finance Research* (pp. 69–81). Springer. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-75734-6>